Sasar langganan RM150j

Kuala Lumpur: CIMB-Principal Asset Management Berhad (CIMB-Principal) menyasarkan langganan RM150 juta bagi Dana Pulangan Bon 3 iaitu dana bon tiga tahun tertutup yang membolehkan pelabur mendapat manfaat daripada pertumbuhan berpotensi di rantau Asia Pasifik meliputi Korea Selatan, Hong Kong, Indonesia dan Australia.

HARIAN METRO

Pembiayaan komprehensif

Bank Negara pastikan industri PKS terus kukuh

Akses kepada pembiayaan faktor penting kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk berdaya maju dan mengukuhkan perniagaan yang diusahakan. Bank Negara Malaysia (BNM) berperanan dalam membantu PKS dengan mewujudkan persekitaran kewangan yang sesuai di mana ekosistem pembiayaan PKS yang komprehensif diwujudkan bagi memenuhi pelbagai keperluan pembiayaan untuk kumpulan usahawan itu.

Pada akhir 2015, pembiayaan kepada PKS oleh institusi kewangan mencatatkan pertumbuhan dua angka 14.6 peratus dengan pembiayaan RM274.5 bilion disalurkan kepada 730,000 akaun PKS berbanding 13.3 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Ikuti temu bual *wartawan Bisnes Metro, Nabil Basaruddin* bersama Pengarah Jabatan Kewangan, Pembangunan dan Enterpris BNM, Marina Kahar.

Industri keusahawanan negara sentiasa menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun, adakah BNM menggunakan model tertentu dalam membentuk PKS?

Hala tuju untuk membangunkan PKS yang lebih berinovatif dan berdaya saing diterajui oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berpandukan Pelan Induk PKS.

Dalam hal ini, SME Corporation Malaysia (SME Corp) bertanggungjawab menggalakkan pembangunan PKS melalui penyelarasan dan pemantauan keberkesanan pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dan agensi kerajaan berdasarkan pengkhususan yang sudah ditetapkan dan juga penyediaan sokongan perniagaan.

Selaku bank pusat dan selaras dengan salah satu bidang tumpuan utama dalam Pelan Induk PKS, peranan BNM tertumpu khususnya dalam memastikan ekosistem pembiayaan PKS adalah komprehensif supaya usahawan yang berdaya maju mendapat bantuan dan akses kepada pembiayaan bagi meningkatkan pertumbuhan PKS.

Di bawah ekosistem pembiayaan yang komprehensif, penekanan diberikan terhadap lima bidang utama dalam membantu PKS untuk lebih berdaya tahan daripada segi kewangan dan memenuhi pelbagai keperluan PKS pada setiap peringkat kitaran perniagaan.

Antara bidang tumpuan terbabit termasuk infrastruktur pembangunan dan pembiayaan PKS, skim pembiayaan dan jaminan, saluran bantuan dan penyelesaian pertikaian serta pengurusan dan penyelesaian hutang dan akhir sekali adalah program jangkauan dan kesedaran.

Kita sering dengar segelintir PKS menghadapi masalah seperti kawalan kredit yang membimbangkan serta pembiayaan yang terlalu tinggi, apakah tindakan BNM dalam hal ini?

BNM sentiasa proaktif dan komited dalam menangani permasalahan atau cabaran yang dihadapi oleh kumpulan usahawan ini memandangkan ia adalah penting supaya PKS tidak mengambil langkah di luar kawalan seperti meminjam dengan pemberi pinjaman tidak berlesen.

Antara inisiatif dijalankan BNM adalah melaksanakan program Train-the-Trainers (TTT) berkaitan Pembiayaan PKS untuk memperingkatkan keupayaan PKS terutamanya dalam bidang pengurusan kewangan, strategi perniagaan dan pengurusan operasi.

Di bawah inisiatif TTT ini, sebanyak 22 program seminar pembiayaan PKS akan diadakan di seluruh negara pada 2016 melalui kerjasama antara persatuan-persatuan institusi kewangan dan SME Corp dalam meningkatkan kesedaran serta pengetahuan PKS.

Program terbabit adalah tertumpu mengenai pembiayaan khususnya mengenai sumber, syarat-syarat dan proses permohonan pembiayaan, khidmat nasihat serta program pembangunan kapasiti perniagaan.

Selain daripada khidmat bantuan penyusunan semula pembiayaan oleh institusi kewangan apa lagi usaha yang dirasakan perlu untuk dilakukan oleh BNM selaku bank pusat?

BNM turut memperkenalkan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil atau lebih dikenali dengan SDRS ('Small Debt Resolution Scheme') bagi membantu PKS menyusun semula pembiayaan perniagaan mereka dengan institusi kewangan secara lebih efektif dan holistik terutamanya apabila membabitkan beberapa institusi kewangan.

Selain itu, BNM terus berusaha dalam meningkatkan kesedaran PKS mengenai pelbagai khidmat dan bantuan yang disediakan oleh BNM melalui penyertaan dalam pelbagai program kesedaran oleh institusi kewangan, kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara.

PKS sentiasa diingatkan agar mendapatkan nasihat dan bantuan yang sewajarnya daripada institusi kewangan dengan segera sekiranya menghadapi masalah membayar pembiayaan perniagaan.

Institusi kewangan memainkan peranan penting memantapkan khidmat nasihat dan meningkatkan kapasiti kewangan.

Antara langkah yang dijalankan ialah penyediaan senarai semak bagi maklumat atau dokumen yang diperlukan oleh institusi kewangan bagi memudahkan proses permohonan pembiayaan di bawah inisiatif program PARTNER oleh Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia.

Kita melihat banyak usaha dilakukan membantu PKS yang bermasalah, jadi di pihak BNM apakah strategi asas dalam membentuk dan mewujudkan akses pembiayaan lebih mudah kepada PKS.

BNM mengambil beberapa langkah dan strategi memastikan keperluan dan akses pembiayaan PKS dapat dipenuhi institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan di Malaysia.

BNM menyediakan tabung khas pembiayaan bagi membolehkan PKS mendapat pembiayaan pada kadar kompetitif. Tabung khas ini terdiri daripada Tabung Untuk Makanan, Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i), Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2, Tabung Usahawan Baru 2 dan Tabung Usahawan Mikro.

Tabung-tabung ini disalurkan melalui institusi kewangan untuk kemudahan PKS bagi tujuan keperluan modal kerja dan peningkatan dalam kapasiti pengeluaran perniagaan.

NSTP mediaworks
the newspaper & digital marketing expo
MERANGKA PERNIAGAAN ANDA

NSTP mediaworks
ialah konsep pemasaran unik bagi penjimatan peruntukan pengiklanan anda dan mencapai pelanggan baharu melalui gabungan kuasa Pengiklanan Media Cetak + Online Digital.
Seminar PERCUMA selama 45 minit ini ialah peluang anda untuk menikmati penjimatan sebanyak 60% daripada harga biasa dengan pakej pemasaran media cetak dan online
DAFTAR SEKARANG
nstpmediaworks.asia
atau hubungi 012 457 8655 untuk maklumat lanjut.
NSTP
New Straits Times BH Metro